

09/04/2001

Giliran MPMBB rampas persada liga

Haryani Ngah; Azizan Hashim

MAJLIS Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah (MPMBB) kembali merampas takhta Liga Hoki Remaja Malaysia (LHRM 2001) selepas memperolehi kemenangan selesa 3-0 ke atas Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Stadium Majlis Perbandaran Petaling Jaya, semalam.

Manakala Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang dua kali berkongsi mata dalam perlawanan terdahulu, bangkit mencari mata penuh dengan menumpaskan Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP) 3-1.

Old La Sallians Klang (Olak) meneruskan rentak cemerlang dengan menjadikan Tentera mangsa belasanya menerusi kemenangan 4-0. Sambil Sekolah Menengah Datuk Mohd Taha (SMDMT) mengaibkan tuan rumah Majlis Sukan Pahang (MSP) 3-2.

Anderson yang kecewa akibat kekalahan Sekolah Sukan Bukit Jalil, Jumaat lalu, memperolehi mata penuh apabila berjaya menundukkan Majlis Perbandaran Petaling Jaya 1-0.

* Di Stadium Hoki Kuala Lumpur, aksi garang yang dilakukan TNB sebaik wisel permulaan dibunyikan jelas memberi peluang pasukan tuan rumah untuk memperolehi mata apabila Mohd Ismail Mohd Akbal berjaya menyempurnakan pukulan sudut penalti seawal minit ketujuh.

Jaringan pertama itu bagaimanapun mendatangkan kealpaan barisan pertahanan TNB dan sekali gus memberi ruang untuk MPSP menyamakan kedudukan menerusi penyudahan pukulan sudut, Haarisan Kathamuthu pada minit ketujuh.

Tidak mahu berterusan berkongsi mata, TNB bangkit pada babak kedua untuk mengusai permainan.

Mohd Ismail sekali lagi menjadi penyelamat TNB apabila menyempurnakan pukulan sudut penalti minit ke-44 dan Omar Hafiz melengkapkan kemenangan TNB pada minit ke-48.

* Di Stadium Majlis Perbandaran Petaling Jaya, edisi kekecewaan PKNS bermula di minit ke-21 apabila bola hantaran Mohd Redzuan Mohd Nasir gagal diselamatkan penjaga gol PKNS, Nasaruddin Ibrahim.

Nafsu pemain MPMBB semakin memuncak di babak kedua dan pukulan sudut penalti yang diperolehi minit ke-43 berjaya disempurnakan Murugesan Subramanian. Sambil Mohd Redzuan menambahkan penderitaan PKNS minit ke-49.

* Di Stadium Hoki Seremban, peluang memperolehi sudut penalti hasil kesilapan pertahanan Tentera tangkas disempurnakan barisan penyerang Olak.

Mohd Ramzul Ikhsan Remli yang bijak mengatur strategi menyempurnakan dua pukulan sudut minit ke-15 dan 43.

Dua lagi pukulan sudut disempurnakan Mohd Faizal Mohd Idoris minit ke-32 dan 52.

* Di Stadium Hoki Kuantan, tuan rumah mengusai babak pertama permainan seawal minit pertama menerusi jaringan Ismail Abu.

Sambil Mohd Dazuki Mohd Zain meneruskan rentak garang MSP minit ke-28.

Tersentak dengan dua jaringan itu, SMDMT bangkit mencari gol pertama diminit ke-44 menerusi penyudahan pukulan sudut, Faharul Nazrey Harun.

Jaringan penyamaan SMDMT dilakukan Norzaiful Rizal Saaba empat minit selepas itu dan Faharul Nazrey sekali lagi menjadi wira dengan menjaringkan gol penyelamat SMDMT minit ke-50.

* Di Stadium Sultan Azlan Shah, kontroversi menyelubungi kejayaan 1-0 Anderson ke atas MPPJ.

Ini kerana MPPJ tidak berpuas hati dengan keputusan pengadil dan akan membuat bantahan terhadap gol jaringan Imran Zuli dari pukulan sudut

penalti pada minit terakhir.

Jurulatih MPPJ, Roslan Salikun mendakwa pengadil, Vinod Anand dari Perak silap memberikan pukulan itu kepada Anderson kerana kesalahan yang dilakukan pemainnya di luar kawasan 25 ela.

"Bagaimana dia boleh memberikan pukulan sudut penalti sedangkan kesalahan dilakukan di luar kawasan 25 ela," katanya.

Vinod menghadiahkan pukulan penalti itu kepada Anderson kerana kekasaran yang dilakukan oleh kapten MPPJ, Mohd Islahuddin Ideris.

Dan Imran yang mengambil pukulan meledakkan rembatan terus daripada pukulan sudut penalti terakhir perlawanan untuk meleraikan kebuntuan ketika permainan seakan-akan menuju seri.

Anderson yang tumpas 0-2 kepada Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ), Jumaat lalu mempamer corak permainan lebih bertenaga, petang semalam.

Namun penyudah lemah termasuk ketika mengambil sembilan pukulan sudut penalti adalah faktor menghampakan tuan rumah.

Selain itu Anderson juga mendapati gawang lawan yang dikawal oleh bekas pemainnya, Mohd Mahathir Thayin begitu sukar dibolosi.

Namun Mohd Mahathir tidak terdaya menghalang jaringan di saat-saat akhir lawan.